



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
14 MEI 2023 AHAD

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	FOOD SUPPLY NOT AFFECTED BY HOT WEATHER – MOHAMAD SABU, NEWS, MAKKAL OSAI -10	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	BEKALAN MAKANAN NEGARA MASIH MENCUKUPI – MOHAMAD SABU, NASIONAL, SH -28	
3.	CUACA TAK JEJAS PENGELUARAN BEKALAN MAKANAN, NASIONAL -8	
4.	MALAYSIA, KOREA SELATAN PERKUKUH PERDAGANGAN PERTANIAN, NASIONAL, BH AHAD -8	
5.	MALAYSIA AND NORTH KOREA STRENGTHEN AGRICULTURAL COOPERATION, METRO EDITION A, SIN CHEW DAILY -6	
6.	MALAYSIA, SOUTH KOREA TO DEEPEN COLLABORATION IN AGRICULTURE INDUSTRY, NATION, CHINA PRESS -A5	
7.	MALAYSIA AND SOUTH KOREA WILL STRENGTHEN AGRICULTURAL COOPERATION TO ENSURE SUSTAINABLE, NEWS, UNITED DAILY NEWS (KUCHING) -A5	
8.	PUFFER FISH POISONING CASE INVESTIGATION REPORT IS BEING PREPARED, NEWS, MAKKAL OSAI -3	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
9.	TIDAK SALAH LANTIKAN POLITIK TAPI..., NASIONAL, SH -32	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Food supply not affected by hot weather - Mohamad Sabu		
MediaTitle	Makkal Osai		
Date	14 May 2023	Color	Full Color
Section	News	Circulation	28,000
Page No	10	Readership	180,000
Language	Tamil	ArticleSize	327 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,140
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,421



கடுமையான வெப்ப காலம்

உணவு விநியோகத்தில் பாதிப்பு இல்லை

அமைச்சர் தகவல்

பாசீர் பூத்தே, மே 14-தற்போது நிலவும் கடுமையான வெப்பம் உணவு விநியோகத்தில் பாதிப்பை ஏற்படுத்தாது என்று விவசாய, உணவுப் பாதுகாப்புத்துறை அமைச்சர் டத்தோபூரி முகமட் சாபு நேற்று உறுதி அளித்தார்.

கடுமையான வெப்பத்தால் விவசாயிகளின் உற்பத்தியும் மீனவர்களின் கடல் உணவு விநியோகமும் கால்நடை உற்பத்தியும் பாதிக்கப்படாது என்று அவர் சொன்னார்.



இந்த விவகாரம் தொடர்பில் அவ்வப்போது ஆய்வுகள் மேற்கொள்ளப்பட்டு வரும்

என்றும் அவர் மேலும் குறிப்பிட்டார்.

கடுமையான வெப்பம் என்பது இப்போது தொடக்கக் கட்டத்தில்தான் உள்ளது. உணவுக் கையிருப்பும் போதுமானதாக இருக்கின்றது. ஆகவே போதுமான உணவு விநியோகம் இல்லை என்பதாக எந்தப் புகாரும் தங்களுக்குக் கிடைக்கவில்லை என்று அவர் மேலும் குறிப்பிட்டார்.

ஆயினும் கடுமையான வெப்பக் காலம் வரும் ஆகஸ்டு வரை நீடிக்கும் என்பதால் நிலைமையை அவ்வப்போது



கால்நடைகளை வளர்ப்போரும் தங்கள் சுகாதாரத்தில் கவனம் செலுத்த வேண்டும். பணிக்குச் செல்லும்போது முன்னெச்சரிக்கை நடவடிக்கைகளை எடுக்க வேண்டும் என்று அவர் சொன்னார்.

பாசீர் பூத்தேயில் மீனவர்களுடன் நடத்திய சந்திப்புக்குப் பிறகு அவர் நிருபர்களிடம் பேசினார்.

கிளாந்தானில் மீன் வளங்களைப் பெருக்குவதற்கான மூன்று கட்டமைப்புகளை நிர்மாணிக்க 6 லட்சம் ரிங்கிட்டை அரசாங்கம் அங்கீகரித்திருக்கிறது.

தும்பாட், பாச்சோக், கோத்தா பாருவில் இவை நிர்மாணிக்கப்படும். இவற்றின் மூலம் 3,785 மீனவர்கள் பலன் அடைவார்கள் என்றும் அவர் சொன்னார்.

கண்காணித்து வருவோம் என்றார் அவர்.

மீனவர்களும் விவசாயிகளும்

Headline	Bekalan makanan negara masih mencukupi - Mohamad Sabu		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	14 May 2023	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	28	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	298 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,318
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,953



Bekalan makanan negara masih mencukupi – Mohamad Sabu

PASIR PUTEH - Bekalan makanan dalam negara setakat ini masih mencukupi walaupun negara dilanda cuaca panas.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, perkara itu berikutan cuaca dikaitkan dengan fenomena El-Nino tersebut masih di peringkat awal.

"Kita masih bergantung kepada stok yang ada termasuk bekalan ikan, daging dan hasil pertanian.

"Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bagaimanapun akan terus memantau dan membuat kajian mengenai situasi ini dari semasa ke semasa supaya bekalan tidak terjejas," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Majlis Jalinan Mesra Madani ber-

sama Nelayan Tok Bali di Pelabuhan Perikanan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di sini pada Sabtu.

Menurut beliau, kementerian itu juga belum menerima sebarang laporan berkaitan, namun akan terus berjaga-jaga kerana cuaca panas dijangka sehingga Ogos.

"Belum ada nelayan atau petani yang terkesan dengan cuaca panas. Mereka masih boleh bekerja tetapi perlu ada perlindungan daripada terkena cahaya matahari secara terus.

"Saya nasihatkan kepada petani, nelayan dan penternak supaya menjaga kesihatan dan mengambil langkah berjaga-jaga ketika turun ke lapangan bagi mengelak masalah kesihatan," katanya.

Sementara itu, Mohamad berkata, peruntukan sebanyak



Mohamad (tiga dari kanan) melakukan simbolik perasmian kilang ais di Pasir Puteh pada Sabtu.

RM600,000 sudah diluluskan bagi pembinaan tiga lokasi unjam di Kelantan iaitu di bawah Persatuan Nelayan Kelantan Tumpat, Bachok dan Kota Bharu yang akan memberi manfaat kepada 3,785 nelayan.

"Sebuah projek naik taraf dan baik pulih infrastruktur jeti di Kuala Kemasin, Bachok juga diluluskan dengan peruntukan berjumlah RM200,000 dan akan memberi manfaat kepada 150 nelayan dengan 80 bot.

"Selain itu, pembinaan kilang ais Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) di Pasir Putih berkapasiti 200 tan metrik yang bernilai RM10 juta akan dapat membantu nelayan mendapatkan bekalan ais yang mencukupi dengan harga berpatutan sekali gus dapat memastikan kualiti ikan dapat dipelihara sebelum sampai kepada pengguna," jelasnya.

Pada majlis itu, Mohamad turut menyampaikan Bantuan Sara Hidup Nelayan kepada 611 nelayan berjumlah RM183,300, bantuan pukut kepada 29 nelayan (RM20,200), Skim Tabung Bencana Alam dan Kebajikan Nelayan kepada empat nelayan (RM1,500 setiap seorang) serta Geran Agropreneur Muda bernilai RM20,000 kepada nelayan.

Headline	Cuaca tak jejas pengeluaran bekalan makanan		
MediaTitle	Berita Harian Ahad		
Date	14 May 2023	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	56,027
Page No	8	Readership	168,081
Language	Malay	ArticleSize	207 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,503
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,509



Cuaca tak jejas pengeluaran bekalan makanan

Pasir Puteh: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memberi jaminan cuaca panas ketika ini tidak mempengaruhi petani, nelayan dan penternak untuk menghasilkan serta mengeluarkan bekalan makanan.

Menterinya Datuk Seri Mohamad Sabu berkata pihaknya akan terus memantau dan membuat kajian mengenai situasi itu dari semasa ke semasa supaya tidak menjejaskan semua pihak.

“Setakat ini kita (KPKM) belum menerima laporan daripada mereka mengenai bekalan makanan tidak mencukupi kerana ia masih lagi pada peringkat awal musim panas berlaku dan kita masih lagi mempunyai simpanan stok barangan terba-bit.”

“Kita akan terus pantau dari semasa ke semasa kerana musim panas ini dijangka berlarutan hingga Ogos depan dan saya nasihatkan kepada petani, nelayan dan penternak supaya menjaga

kesihatan dan mengambil langkah berjaga-jaga ketika pergi ke lapangan,” katanya selepas Majlis Jalinan Mesra MADANI bersama nelayan di Pelabuhan Perikanan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Tok Bali, semalam.

Sementara itu, Mohamad berkata kerajaan sudah meluluskan sebanyak RM600,000 bagi pembinaan tiga lokasi unjam di Kelantan iaitu Persatuan Nelayan Kawasan Tumpat, Bachok dan Kota Bharu

yang akan memberi manfaat kepada 3,785 nelayan.

“Saya juga ingin mengumumkan bahawa sebuah projek naik taraf dan baik pulih infrastruktur jeti di Kuala Kemasin, Kelantan diluluskan dengan peruntukan berjumlah RM200,000 yang bakal memberi manfaat kepada 150 nelayan dan 80 bot.

“Selain itu, dengan wujudnya Kilang Air Batu Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) di LKIM Bachok yang mula beroperasi pada Mac lalu, diha-

rapkan ia dapat membantu nelayan di kawasan ini mendapatkan bekalan ais yang mencukupi untuk memastikan kualiti ikan dapat dipelihara sebelum sampai kepada pengguna,” katanya.

Beliau berkata berikutan teknologi sentiasa berubah dari semasa ke semasa, pertumbuhan dan daya maju sektor perikanan memerlukan nelayan mengubah cara perikanan yang tradisional kepada cara lebih komersial dan lestari.

Headline	Malaysia, Korea Selatan perkukuh perdagangan pertanian		
MediaTitle	Berita Harian Ahad		
Date	14 May 2023	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	56,027
Page No	8	Readership	168,081
Language	Malay	ArticleSize	123 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,082
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,245



Malaysia, Korea Selatan perkukuh perdagangan pertanian

Kuala Lumpur: Malaysia dan Korea Selatan membincangkan usaha memperkukuhkan kerjasama dan perdagangan dua hala dalam bidang pertanian selaras dengan keperluan bagi menjamin sumber makanan yang mampan dan berterusan.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), berkata kedua-dua negara turut bersetuju untuk mengukuhkan lagi kerjasama dengan memeterai Memorandum Persefahaman Kerjasama Pertanian selaras dengan Sambutan Ulangtahun ke-40 Dasar Pandang ke Timur tahun ini.

Katanya, melalui perjanjian itu, kedua-dua negara bersetuju untuk berkongsi pengetahuan, pengalaman, amalan terbaik dan peluang perniagaan serta cadangan kerjasama dalam bidang keterjaminan makanan dan inovasi teknologi pertanian untuk menangani cabaran sektor pertanian.

“Semalam Menteri KPKM, Datuk Seri Mohamad Sabu menerima kunjungan hormat daripada Menteri Pertanian, Makanan dan Hal Ehwal Luar Bandar Korea, Chung Hwang-Keun di Putrajaya, yang menjadi pertemuan pertama bagi kedua-dua pemimpin.

“Republik Korea adalah rakan dagang Malaysia yang sentiasa bergiat aktif dalam memperkukuhkan hubungan perdagangan pertaniannya.

“Bagi tempoh 2020 hingga 2022, nilai dagangan pertanian antara kedua-dua negara menunjukkan pencapaian yang progresif dan positif di mana mencatat peningkatan sebanyak RM1.0 bilion setiap tahun,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Headline	Malaysia and North Korea strengthen agricultural cooperation		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	14 May 2023	Color	Full Color
Section	Metro Edition A	Circulation	288,920
Page No	6	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	152 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,606
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,818



將簽諒解備忘錄 馬韓強化農業合作



莫哈末沙布接見鄭煒根（右），并同意两国将强化在农业领域的双边合作和贸易，以根据需求保证永续的粮食来源。（农业及食品安全部提供照片）

（布城13日讯）大马和韩国将强化在农业领域的双边合作和贸易，以根据需求保证永续的粮食来源。

农业及食品安全部昨日发文告说，两国也同意配合今年迎来的向东学习政策40周年，签署农业合作谅解备忘录，以进一步巩固合作。

末沙布接见韩农畜部长

文告指出，通过上述协议，两国同意共享知识、经验、最佳实践方式和商业合作，并建议在粮食安全和农业技术创新领域合作，以应对农业领域的挑战。

农业及粮食安全部长拿督斯里莫哈末沙布昨日在布城接见韩国农林畜产食品部长郑煒根，这也是两名领导人首次会晤。

文告提到，作为大马的贸易伙伴，韩国一直致力于加强其农业贸易关系。

“在2020至2022年期间，两国的农业贸易取得良好表现，每年增长10亿令吉。”

馬女企業家總商會簽備忘錄

马来西亚女企业家总商会日前与Jhao Chuan International Ltd. 签署备忘录。

图为马来西亚女企业家总商会会长刘春梅（前排右）与Jhao Chuan International Ltd. 首席执行官汤雅芬代表签署。

见证者为马来西亚福建总商会总会会长拿督刘国泉（后排左起）、马来西亚林氏总商会执行顾问丹斯里林顺平和马来西亚宗乡华团总商会联盟主席拿督斯里林家仪。



Headline	Malaysia, South Korea to deepen collaboration in agriculture industry		
MediaTitle	China Press		
Date	14 May 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A5	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	194 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,827
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,480



保證永續糧食來源 馬韓強化農業合作

(布城13日讯) 大马和韩国将强化在农业领域的双边合作和贸易，以根据需求保证永续的粮食来源。

农业及食品安全部今日发文告说，两国也同意配合今年迎来的

向东学习政策40周年，签署农业合作谅解备忘录，以进一步巩固合作。

文告指出，通过上述协议，两国同意共享知识、经验、最佳实践方式和商业合作，并建议在

粮食安全和农业技术创新领域合作，以应对农业领域的挑战。

农业及食品安全部长拿督斯里莫哈末沙布昨日在布城，接见韩国农林畜产食品部长郑煌根，这也是两名领导人首次会晤。

文告提到，作为大马的贸易伙伴，韩国一直致力于加强其农业贸易关系。

“在2020至2022年期间，两国的农业贸易取得良好表现，每年增长10亿令吉。”



■福建亚太合会率团拜访林木生集团欢喜交流。前排左起为兰平勇、蔡艺卓、林礼渠、马国武、林国镜、吴华新、邓章钦、林福山、林福源、孙建炜、郑源炳、施承杰和翁隆秋。

Headline	Malaysia and South Korea will strengthen agricultural cooperation to ensure sustainable		
MediaTitle	United Daily News (Kuching)		
Date	14 May 2023	Color	Full Color
Section	News	Circulation	39,116
Page No	A5	Readership	117,348
Language	Chinese	ArticleSize	201 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,069
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 3,207



大馬韓國強化農業合作 保證糧食來源永續

(吉隆坡13日讯)大马和韩国将强化在农业领域的双边合作和贸易，以根据需求保证永续的粮食来源。

农业及粮食安全部今日发文告说，两国也同意配合今年迎来的向东学习政策40周年，

签署农业合作谅解备忘录，以进一步巩固合作。

文告指出，通过上述协议，两国同意共享知识、经验、最佳实践方式和商业合作，并建议在粮食安全和农业技术创新领域合作，以应对农业领域的挑

战。

农业及粮食安全部长拿督斯里莫哈末沙布昨日在布城接见韩国农林畜产食品部长郑煌根，这也是两名领导人首次会晤。

文告提到，作为大马的贸易伙伴，韩国一直致力于加强其农业贸易关系。

“在2020至2022年期间，两国的农业贸易取得良好表现，每年增长10亿令吉。”




莫哈末沙布昨日在布城接见韩国农林畜产食品部长郑煌根。

Headline	Puffer fish poisoning case investigation report is being prepared		
MediaTitle	Makkal Osai		
Date	14 May 2023	Color	Full Color
Section	News	Circulation	28,000
Page No	3	Readership	180,000
Language	Tamil	ArticleSize	286 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,872
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,616



விஷ மீன் காரணமாக தம்பதி மரணம் விசாரணை அறிக்கை தயாராகிறது



ஈக்கான் புந்தால்

குளுவாங், மே 14-
குளுவாங் மாவட்டத்தில் விஷ
மீனைப் பொரித்துச் சாப்பிட்டு
மரணமுற்ற வயோதிகத் தம்பதியின்
புலன் விசாரணை அறிக்கை தயாராகி
வருகிறது என்று ஜோசூர் மாநில
சுகாதாரத்துறை இயக்குநர் டாக்டர்
மொக்தார் தெரிவித்தார்.

டிபிபி தரப்பின் ஆலோசனைக்கு ஏற்ப
இந்தப் புலன் விசாரணை அறிக்கை
தயாராகி வருகிறது என்றார் அவர். டிபிபி
தரப்பின் கருத்து அடிப்படையில் புலன்
விசாரணை அறிக்கை தயாரானதும் உரிய
நடவடிக்கை எடுக்கப்படும்.

ஈக்கான் புந்தால் எனப்படும் விஷ
மீன் காரணமாக கடந்த மார்ச் மாதம்

குளுவாங்
மாவட்டத்தில்
வயோதிகத் தம்பதி
மரணமுற்றனர். இந்த
விவகாரம் குறித்து
மீன்வளத்துறையும்
மீன்வள ஆய்வுக்
கழகமும் அரசு
மலேசிய போலீசும்
விவாதித்திருக்கின்றன.

நடப்பு நிலவரத்தை
விளக்குவதற்கு அந்த
வயோதிகத் தம்பதியின்
குடும்பத்தாருடன் ஒரு
கூட்டுச் சந்திப்பு
நடத்தப்படும் என்றும்
அவர் விவரித்தார்.

சந்தைகளில்
ஈக்கான் புந்தால்
விற்பனை தொடர்பில்
இன்னும்
கண்காணிப்புகள்
மேற்கொள்ளப்பட்டு
வருகின்றன.
விஷத்தன்மை
கொண்ட மீன்களை
விற்க வேண்டாம் என
வியாபாரிகளுக்கு



மரணமுற்ற தம்பதியுடன் அவர்களின் மகள்

நினைவுறுத்தப்பட்டிருக்கிறது.

கடல் உணவுகளைத் தேர்வு செய்வதில்
மக்கள் கவனமுடன் இருக்க வேண்டும்.
குறிப்பாக ஈக்கான் புந்தால் மீன் தொடர்பில்
விழிப்புடன் இருக்க வேண்டும் என அவர்
கேட்டுக் கொண்டார்.

வயோதிகத் தம்பதியிடம் இந்த விஷ
மீனை விற்பவர் இன்னும் சுதந்திரமாக மீன்
வியாபாரத்தில் ஈடுபட்டு வருவது குறித்து
அந்தத் தம்பதியின் குடும்பத்தார் ஏமாற்றம்
தெரிவித்தனர்.

விஷ மீன் காரணமாக 84 வயது ஹெங்
குவாய் சிம் என்பவரும் அவருடைய
மனைவியான 83 வயது லிம் சியூ குவான்
என்பவரும் மரணமுற்றனர்.

எங்கள் குடும்பத்திற்கு நியாயம்
வேண்டும் என்று இவர்களின் மகள் இங்
கோரிக்கை விடுத்திருக்கிறார்.

Headline	Tidak salah lantikan politik tapi...		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	14 May 2023	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	32	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	410 cm ²
Journalist	Langit Terbuka	AdValue	RM 8,692
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,076



Tidak salah lantikan politik tapi...



LANGIT TERBUKA
AB JALIL BACKER

Polemik lantikan politik dalam agensi dan syarikat berkaitan kerajaan kembali meriah berikutan pengumuman Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu mengenai pelantikan lima pengerusi baharu badan berkanun di bawah kementeriannya, berkuat kuasa Isnin ini.

Antara yang dilantik ialah Pengerusi Pakatan Harapan (PH) Kedah, Datuk Mahfuz Omar sebagai Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP); Ahli Jawatankuasa Amanah, Muhammad Faiz Fadzil sebagai Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Naib Pengerusi DAP Johor, Sheikh Umar Bagharib Ali sebagai Pengerusi Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM).

Turut dilantik ialah bekas Ahli Parlimen PH, Dr Azman Ismail sebagai Pengerusi Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) serta pemimpin parti Amanah, Aminuddin Zulkpli sebagai Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama).

Sudah tentu lantikan itu mengundang

kritikan dan cemuhan awam kerana Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim serta PH telah memberi gambaran seolah-olah mereka akan menghapuskan semua lantikan politik.

Pada Disember 2022, kerajaan mengumumkan penamatan semua perkhidmatan lantikan politik dalam badan berkanun di peringkat kerajaan pusat dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) atas alasan untuk memperbaiki tata kelola kerajaan.

Puji-pujian pun diberikan kepada Perdana Menteri oleh penganalisis politik, Profesor Dr Azmi Hassan yang dilaporkan berkata 'langkah menamatkan perkhidmatan lantikan politik secara serta-merta ini menunjukkan keseriusan Anwar dalam memulihkan negara'.

Justeru, tidak hairanlah lantikan politik terbaharu itu akan menjadi bahan cemuhan dan dipandang sinis oleh rakyat yang melihat kerajaan cakap tidak serupa bikin.

Namun, yang agak aneh, Ketua Pemuda UMNO, Dr Muhamad Akmal Saleh turut mengkritik pelantikan yang diumumkan oleh Mohamad Sabu.

Dr Akmal seolah-olah lupa bahawa menteri daripada UMNO yang mula-mula sekali membuat lantikan politik dalam kerajaan hari ini. Jika Dr Akmal mahu mengkritik Mohamad Sabu, beliau juga perlu mengkritik Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang lebih awal membuat lantikan-lantikan politik.

Dalam hal itu, bukanlah semua rakyat menentang atau menolak lantikan politik. Oleh sebab negara kita merupakan negara demokrasi, maka pihak mana pun yang menjadi kerajaan akan membuat lantikan politik.

Kerajaan memerlukan mereka yang memahami falsafah politik yang memenangi pilihan raya untuk melaksanakan agenda rakyat. Ini negara demokrasi, demikianlah aturan pentadbirannya kerana jatuh bangunnya sesebuah pemerintahan bergantung kepada prestasi mereka yang dilantik.

Bagaimanapun, rakyat sukar menerima sikap hipokrit dan berdolak-dalik ahli politik yang bercakap lain pada pilihan raya dan membuat perkara bertentangan.

Sebenarnya masalah negara kita bukan lantikan politik atau tidak. Masalah negara ini juga bukan kerana Perdana Menteri dan kerajaan kerap bertukar. Masalah terbesar negara ini ialah ahli-ahli politik 'jahat' yang meletakkan kepentingan diri dan fraksi melebihi kepentingan negara.

Kita boleh tukar kerajaan setiap tahun tanpa menjejaskan ekonomi negara jika ahli politik yang berjaya memegang kuasa mampu menjalankan tugas dengan cekap dan amanah.

Pemimpin politik yang baik tidak akan mengubah dasar diluluskan kerajaan terdahulu atas alasan dangkal dan dibuat-buat atau hanya semata-mata untuk

membuktikan kempen mereka sebelumnya benar.

Pemimpin politik rosak akal budi akan mengubah perancangan negara hanya kerana ia diputuskan oleh musuh politiknya dan bimbang sekiranya berjaya akan menjadi keuntungan kepada musuh.

Pada 2018, kerajaan menghapuskan cukai barang dan perkhidmatan (GST) yang diguna pakai beratus negara di dunia. Ia menyebabkan ekonomi negara gagal berkembang dengan lebih baik.

Kali ini kerajaan mengubah dasar 5G negara hanya kerana mahu membuktikan langkah kerajaan terdahulu menubuhkan Digital Nasional Berhad (DNB) dan menggunakan Rangkaian Borong Tunggal (SWN) satu kesilapan.

Oleh sebab dalam kempen pilihan raya, mereka mendakwa DNB akan gagal dan bakal menjadi 1MDB kedua, maka apabila memegang kuasa usaha membuktikan dakwaan benar perlu dilakukan.

Tanpa sebarang perancangan jelas, kerajaan telah mengumumkan perubahan polisi, sekali gus akan menyebabkan DNB kerugian berbilion ringgit.

Hanya kerana idea yang baik datang daripada kerajaan yang pemimpin sekarang tidak suka, maka kepentingan rakyat diperjudikan dan masa depan negara tidak dipedulikan.

** Jalil Backer ialah Presiden Angkatan Karyawan Nasional (Akar)*